

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XII)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA  
YB. DATO' MUHAMAD YUSOFF BIN MOHD NOOR**

16. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengurangkan pengeluaran khinzir kepada 13,000 metrik tan setahun sesuai dengan permintaan dan seterusnya menutup kandang-kandang yang tidak sesuai dan tidak setuju mengamalkan sistem ternakan tertutup?
- (a) Sila huraikan kedudukan terkini pelaksanaan sistem ternakan tertutup khinzir hingga kini.

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

16. Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak berhasrat untuk menghadkan jumlah pengeluaran khinzir kepada 13,000 tan metrik setahun buat masa ini kerana pengeluaran yang tinggi akan menjana keuntungan kepada pengusaha dan seterusnya memberikan hasil kepada Kerajaan Negeri. Pada tahun 2019 terdapat sebanyak 33,528,92 metrik tan bernilai RM268.23 juta. Tetapi, Kerajaan Negeri mengambil serius aduan nelayan sungai tentang pencemaran sisa kumbahan najis babi ke dalam parit dan sungai dan telah meluluskan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Perlesenan Penternakan Babi (Pulau Pinang) 2020 pada 1 Mac 2020. Maka, Penternak babi perlu memohon lesen penternakan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh peraturan ini dikuatkuasakan. Tindakan kompaun akan diambil ke atas penternak yang tidak mematuhi mana mana seksyen di dalam Enakmen Penternakan Babi 2016 dan Peraturan Peraturan Pelesenan Penternakan (Negeri Pulau Pinang) Babi 2020. Kompaun yang akan dikenakan oleh Pengarah Jabatan veterinar adalah sehingga RM15,000.00.

(50% daripada RM30,000). Tetapi apabila sampai ke mahkamah, denda tersebut boleh mencapai sehingga RM30,000 dan dua (2) tahun penjara.

Penguatkuasaan akan dilaksanakan sepenuhnya bermula 1 Januari 2022 kepada mana-mana ladang ternakan babi yang tidak menaiktaraf atau mematuhi sistem penternakan babi moden yang merangkumi empat (4) kriteria iaitu menaiktaraf sistem kandang tertutup, zon penampakan 200 meter, sistem kumbahan sifar dan amalan penternakan yang baik. Tindakan ini selari dengan peruntukan peralihan dibawah Seksyen 54 Enakmen Penternakan Babi 2016.

- (a) Kerajaan Negeri telah melanjutkan tempoh pengecualian permohonan kebenaran merancang bagi ladang babi sedia ada sehingga 31 Mei 2020. Pengecualian permohonan kebenaran merancang tersebut diberikan kelulusan bersyarat dan penternak babi perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Sehingga 31 Mac 2020, sebanyak 112 daripada keseluruhan 156 buah ladang telah membuat permohonan pengecualian kebenaran merancang. 111 buah ladang telah diluluskan secara bersyarat. Sebanyak 44 buah ladang lagi belum mengemukakan permohonan.